

## UPSI perkenal BITARA 2.0, beri impak kepada komuniti tempatan dan global

Tanjong Malim,  
22 Januari

- Universiti  
Pendidikan  
Sultan Idris (UPSI)  
memperkenalkan  
inisiatif BITARA  
UPSI 2.0 dalam  
usaha menjadi  
universiti peneraju  
kebitaraan dalam  
pendidikan di Malaysia  
dan peringkat global.

Naib Canselor UPSI  
Profesor Datuk Dr.


Md Amin Md Taff berkata, inisiatif yang akan dilaksanakan setiap hari itu merangkumi lima teras utama iaitu Bakat Unggul, Inovasi & Penyelidikan, Transformasi Teknologi, Adab, Akhlak & Akademik, Revolusi Ekosistem, dan Adaptasi Global, adalah usaha UPSI untuk memantapkan kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, dan pembangunan modal insan yang berdaya saing.

"Bagi memastikan kelestarian universiti, Pelan Strategik UPSI 2026 hingga 2030 akan menjadi peta hala tuju kami, yang akan memacu UPSI ke arah kecemerlangan akademik dan penyelidikan yang lebih tinggi, selaras dengan perkembangan pendidikan global.", kata Dr. Md Amin dalam Majlis Aspirasi UPSI 2025 di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, di sini. Dalam aspek inovasi dan penyelidikan, UPSI akan memperkenalkan beberapa program strategik bagi memacu budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan warga akademik. "Melalui penganjuran program UPSI EDU-Innovate 2025, Festival PULARA, Agenda Penyelidikan Inklusiviti (IRA) dikuasakan oleh Centre For Inclusive Research On Community And

Disability (CIRCLE) serta penerbitan buku berimpak tinggi, kita akan menggalakkan penghasilan idea inovatif dalam bidang pendidikan dan seni budaya," katanya. Menurut beliau, UPSI akan terus komited untuk memastikan bahawa penyelidikan yang dijalankan tidak hanya memberi manfaat kepada universiti, tetapi juga kepada komuniti dan negara secara keseluruhannya.

Sementara itu, dalam usaha memperkuuh Transformasi Teknologi, UPSI memperkenalkan pelan pendigitalan yang komprehensif melalui UPSI Smart Campus dan penubuhan Unit Data Analitik. "Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, sekali gus menyediakan persekitaran yang lebih efisien dan mesra komuniti," katanya. Tambah beliau, dalam membentuk sahsiah dan karakter pelajar, aspek Adab, Akhlak dan Akademik dijadikan teras penting dalam inisiatif BITARA UPSI 2.0 yang diperkenalkan itu. "Melalui program Bina Insan Bitara dan Sistem Pendidikan Fleksibel, kami berusaha melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berakhlik dan bersedia untuk menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks." katanya lagi. UPSI, katanya, tidak hanya berfokus kepada kecemerlangan akademik semata, tetapi kami mahu memastikan bahawa setiap graduan kami keluar dengan membawa nilai-nilai murni dan etika yang tinggi dalam setiap aspek kehidupan mereka. Bagi memantapkan lagi Revolusi Ekosistem, UPSI turut melancarkan beberapa projek besar, termasuk Green, Sustainable & Smart Campus, yang akan memperkenalkan teknologi mesra alam dan pintar.

"Pembangunan ekosistem kampus yang mampan adalah salah satu komitmen kami dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selesa untuk semua.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## UPSI IPT pertama perkenal Kad Budi Bitara, hargai jasa bakti pesara

Tanjong Malim, 24

**Januari** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan Kad Budi Bitara, satu inisiatif khas sempena Majlis Jasamu Dikenang UPSI 2024, sebagai tanda penghargaan kepada pesara universiti itu atas sumbangan dan khidmat bakti mereka sepanjang tempoh perkhidmatan.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pelancaran Kad Budi Bitara itu menjadikan UPSI, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pertama mengambil langkah proaktif dalam menghargai jasa pesara yang menyumbang bakti kepada pembangunan institusi.

"Kad ini adalah simbol penghormatan dan tanda penghargaan kami terhadap komitmen tinggi para pesara yang telah berkhidmat demi kecemerlangan universiti. "Mereka adalah tulang belakang kepada kejayaan UPSI dan kami berharap kemudahan yang disediakan dapat memberi manfaat kepada mereka".

Jelas beliau, kad itu bakal menawarkan pelbagai kemudahan eksklusif termasuk akses kepada perkhidmatan perpustakaan, kemudahan seawan fasiliti di UPSI dan Universiti Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) pada kadar kakitangan

serta akses ke fasiliti di kedua-dua kampus UPSI seperti kolam renang, gelanggang boling, gimnasium dan pelbagai kemudahan lain. "Kad Budi Bitara yang diberikan kepada semua pesara UPSI adalah pengiktirafan kepada dedikasi mereka dalam memperkasakan sektor pendidikan dan pembangunan universiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan sesi pelancaran Kad Budi Bitara sempena Majlis Jasamu Dikenang 2024 bertempat di Muallim Ballroom, Scholar Suites, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, semalam.

bakat serta dapat menyediakan khidmat rehabilitasi sukan kepada pelajar dan atlet universiti.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff menyambut baik kolaborasi strategik itu dalam usaha memacu kecemerlangan bidang sains sukan. "Kerjasama dengan KBS melalui inisiatif seperti Pusat Satelit ISN adalah bukti nyata bahawa UPSI komited untuk memperkuuhkan pembangunan bakat dan teknologi dalam sukan.

Jelas Hannah, Pusat Satelit ISN di UPSI adalah bukti kejayaan integrasi sains dalam

## Pusat Satelit ISN: Perkukuh pembangunan bakat muda berprestasi tinggi

Tanjong Malim, 22

**Januari** - Kewujudan beberapa Pusat Satelit ISN di beberapa universiti awam dilihat mampu membentuk budaya sukan sekali gus memperkasakan bakat-bakat muda baharu.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata pengiktirafan terhadap Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai Pusat Satelit Institut Sukan Negara (ISN) pada tahun lalu dilihat dapat mencipta ekosistem sukan yang

dengan matlamat negara untuk menjadi peneraju dalam bidang sukan. "Hubungan strategik antara KBS dan UPSI penting untuk memastikan ilmu, inovasi, dan bakat dalam bidang sains sukan terus berkembang serta membantu menghasilkan lebih ramai bakat muda yang berprestasi tinggi," katanya demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke UPSI pada Rabu.

Jelas Hannah, Pusat Satelit ISN di UPSI adalah bukti kejayaan integrasi sains dalam



## Penyelidik UPSI Cipta Kad Terapi Imbasan Kembali (Reminiscence Therapy Card) Bantu Atasi Kemurungan Warga Emas

Menjelang tahun 2030, 15% daripada keseluruhan populasi Malaysia berumur 60 tahun ke atas. Malaysia berkemungkinan menjadi negara tua pada tahun 2030 (New Straits Times, 2022). 8.5% warga emas berumur 60 tahun ke atas didapati positif demensia manakala 5.3% warga emas berumur 60 tahun ke atas mengalami gejala kemurungan. Namun, tiada intervensi yang sesuai untuk penjaga/sukarelawan membantu warga emas di Malaysia.

Justeru, penyelidik UPSI tampil dengan memperkenalkan Kad Terapi Imbasan Kembali untuk mengatasi masalah demensia dan kemurungan warga emas ini. Ketua

penyelidik dan penyelidik bersama terdiri daripada Dr Hapsah Md Yusof, Dr Nurul Hasyimah Mat Rani, Dr Nursayyidatina Che Rozubi, PM Dr Nurul Ain Mohd Daud, Cik Azzah Sabrina Muhammad Shariff Paul, En. Ishwaran Nadrajan dan Puan Faizura Rohaizad.

Produk hasil penyelidikan ini mempunyai ciri-ciri imbasan memori yang rapat dengan warga emas seperti album perayaan, makanan dan keluarga. Ujian perintis yang dijalankan menunjukkan: Warga emas yang mengalami demensia dapat mengingati sebahagian memori berdasarkan bantuan visual dan audio. Visual yang digabungkan

dengan bantuan audio dapat menguatkan kebarngkalian warga emas untuk mengimbaskan kembali memori lampau.

Kad Terapi Imbasan Kembali

mampu mencabar fungsi kognitif warga emas untuk mengingati pengalaman berdasarkan gambar yang dipilih.

Produk ini sedia untuk diguna dan dikomersialkan ke rumah-rumah jagaan warga emas, hospital, organisasi kesukarelawanan dan orang ramai. Selain itu, Kad Terapi Imbasan Kembali turut memenangi pingat emas dan anugerah khas di MTE 2023.

